

27/08/1997

Panel Penasihat Penyiaran diwujudkan

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan bersetuju menubuhkan Panel Penasihat Penyiaran yang bertanggungjawab menetapkan standard yang perlu dipatuhi stesen penyiaran tempatan ke arah mewujudkan masyarakat bermaklumat, di samping mengekalkan nilai murni.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata panel itu dianggotai 11 wakil pelbagai pertubuhan dan komuniti, diketuai bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46, Datuk Dr Rais Yatim.

"Saya sudah berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau bersetuju dengan cadangan penubuhan Panel Penasihat Penyiaran itu.

"Dr Mahathir juga bersetuju melantik Dr Rais sebagai pengerusi selepas menimbangkan dua nama yang dicadangkan," katanya pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan delegasi Naib Menteri Radio, Filem dan Televisyen Republik Rakyat China, Tong Xiangrong di pejabatnya, di sini hari ini.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah Timbalannya, Datuk Drs Suleiman Mohamed dan Setiausaha Parlimen, Datuk Shafie Afdal.

Mohamed berkata, panel yang dilantik adalah penasihat kepada Menteri Penerangan, bukannya pengawal industri penyiaran untuk memastikan tidak wujud percanggahan kepentingan di kalangan anggotanya.

"Panel, melalui penelitian dan pengkajian mereka terhadap senario semasa industri penyiaran, akan menasihati Menteri Penerangan mengenai bentuk perubahan yang perlu dilakukan oleh industri supaya membantu kerajaan mencapai matlamat cabaran Wawasan 2020.

"Saya juga fikir tanggungjawab penapisan bukan lagi menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata, sebaliknya harus dikongsi bersama masyarakat dan individu sendiri," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Penerangan sedang berbincang untuk mewujudkan Akta Penyatuan Multimedia yang akan menggantikan Akta Penyiaran yang digunakan sekarang.

"Akta Penyatuan Multimedia akan dengan sendirinya menghapuskan beberapa akta yang berkaitan, termasuk Akta Penyiaran.

"Kita belum tahu bila draf akta itu boleh siap untuk dibentang di Parlimen, tapi sekarang, kita dalam proses perbincangan mengenainya.

"Mungkin undang-undang penyiaran sedia ada termasuk berhubung penapisan sudah tidak ada lagi apabila akta baru itu dikuatkuasakan nanti," katanya.

(END)